

Soalan No: 77

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]****TARIKH : 2.8.2017****SOALAN :**

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian telah melengkapkan post-mortem mengenai kejatuhan prestasi keputusan UPSR 2016 berikutan pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam silibus Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Lembaga Peperiksaan telah menjalankan penilaian dan analisis terhadap keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2016. Prestasi UPSR tahun 2016 tidak boleh dibandingkan dengan keputusan UPSR pada tahun-tahun sebelumnya kerana format peperiksaan UPSR yang dilaksanakan pada tahun 2016 adalah berbeza. Perubahan format tahun 2016 sejajar dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan melengkapi pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di samping membudayakan unsur-unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Oleh yang demikian, KPM menegaskan bahawa prestasi UPSR tahun 2016 tidak boleh dinyatakan sama ada meningkat atau menurun.